



PEMBERITAHUAN

PEPERIKSAAN RADIO AMATUR SIRI KEDUA TAHUN 2010

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menganjurkan Peperiksaan Radio Amatur (RAE) siri kedua bagi tahun 2010 sebagai memenuhi kehendak Peraturan 26(2), Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000, pada tarikh dan waktu seperti berikut:

Nombor Siri Peperiksaan	Tarikh dan Masa Peperiksaan	Tarikh Tutup Permohonan	Pusat Peperiksaan (Wilayah)
RAE 2010-2	30 Jun 2010 Jam 2:00 petang	14 Mei 2010 Jam 5:00 petang	Utara, Tengah, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak

Kelayakan bagi menduduki peperiksaan ini adalah seperti berikut:

- Berumur 14 tahun dan ke atas pada hari peperiksaan dilangsungkan; dan
- Warganegara Malaysia (Bagi bukan warganegara, sila rujuk mana-mana pejabat SKMM untuk pengesahan kelayakan).

Individu yang berminat dan berkelayakan adalah dipelawa untuk mendudukinya. Borang permohonan boleh diperolehi dari pejabat-pejabat SKMM dan laman web rasmi SKMM di www.skmm.gov.my

Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta bayarannya dan satu salinan dokumen pengenalan diri pemohon (Kad Pengenalan, Kad Kuasa atau Pasport) hendaklah dihantar ke pejabat SKMM yang sepadan menurut pusat peperiksaan yang dipilih seperti di bawah.

Pusat Peperiksaan	Alamat Pejabat Wilayah SKMM Untuk Menghantar Permohonan	Nombor Untuk Dihubungi
UTARA	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Utara Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji Jalan Bagan Luar, 12000 Butterworth, Pulau Pinang	T: +60 4 323 8228 F: +60 4 323 9448
TENGAH	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Tengah Aras 17, Wisma SunwayMas No. 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C Seksyen 9, 40100 Shah Alam, Selangor	T: +60 3 5518 7706 F: +60 3 5518 7710
SELATAN	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Selatan Suite 7A, Aras 7, Menara Ansar Jalan Trus, 80000 Johor Bahru, Johor	T: +60 7 226 4700 F: +60 7 227 8700
TIMUR	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Timur B8004, Tingkat 1, Sri Kuantan Square Jalan Telok Sisek, 25000 Kuantan, Pahang	T: +60 9 515 0078 F: +60 9 515 7566
SABAH	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Sabah 6-10-10, Tingkat 10, No. 6, Menara MAA Lorong Api-Api 1, Api-Api Centre, 88000 Kota Kinabalu, Sabah	T: +60 88 270 550 F: +60 88 253 205
SARAWAK	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Sarawak Aras 5 (Utara), Wisma STA 26, Jalan Datuk Abang Abdul Rahim, 93450 Kuching, Sarawak	T: +60 82 346 500 F: +60 82 331 901

Sila tuliskan nombor siri peperiksaan di sudut atas sebelah kiri sampul surat anda. Yuran peperiksaan adalah sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00)** dan perlu dijelaskan melalui **Kiriman/Wang Pos atau Deraf Bank** yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan atas nama "**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**" dan mestilah dikepikan bersama borang permohonannya. Permohonan yang disertakan dengan lain-lain kaedah pembayaran akan ditolak.

Jumlah calon adalah terhad dan keutamaan diberikan kepada permohonan awal yang diterima. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui laman web rasmi SKMM dan melalui pos selewat-lewatnya 7 hari sebelum hari peperiksaan dilangsungkan. Sila hubungi Cik Ida Khairuniah (+60 3 8688 8265) untuk sebarang pertanyaan yang berkaitan.

Alamat Ibu Pejabat SKMM:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan